

Jabatan Perkhidmatan Awam,

Malaysia,

Rumah Persekutuan,

Jalan Sultan Hishamuddin,

Kuala Lumpur.

6hb.Jun,1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 13 TAHUN 1970.

Taraf Pegawai-pegawai perempuan di bawah Perentah 'Am Bab 'A' 32

Adalah di maalumkan bahawa berikut dengan pindaan kepada <u>Perentah 'Am Bab 'A' 32</u> yang berkuatkuasa mulai daripada 1hb. Januari, 1969, pegawai-pegawai perempuan adalah setaraf dengan pegawai-pegawai laki-laki bagi maksud faedah-faedah penchen. Dasar yang terkandong didalam <u>Perentah 'Am Bab 'A' 32</u> yang baharu ini adalah bahawa seseorang pegawai perempuan itu tiada akan disarakan semata-mata kerana berkahwin melainkan jika didapati dengan kerana perkahwinan kechekapan pegawai yang berkenaan adalah terganggu.	Pegawai2 Perempuan yang di-beri pilehan (option) bagi memasokki ka jawatan tetap dan berpencen
--	---

2. Biar pun dengan perubahan dasar ini, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua pegawai-pegawai perempuan yang dilantik memenuhi jawatan tetap dan berpenchen sebelum daripada tarikh 1hb. Januari, 1969, dan berkhidmat sebagai pegawai-pegawai sementara semata-semata oleh kerana berkahwin adalah di beri [pilehan]¹ (option) sama ada mereka hendak terus berkhidmat sebagai pegawai-pegawai sementara dan tertakluk di bawah Perentah 'Am Bab 'A' 32 seperti yang tiada di pinda atau pun memileh bagi dimasukkan ke perjawatan tetap dan berpenchen. Bagi maksud ini, chuma gulungan pegawai-pegawai sementara yang

dinyatakan di bawah ini adalah di-benarkan membuat pilehan :

- (i) Mereka2 yang telah pun berkahwin semasa dilantik dan oleh itu perlantikan mereka adalah di atas dasar sementara;
- (ii) Mereka2 yang telah pun berkahwin dalam tempoh perchubaan dan kerana itu telah kehilangan kelayakan bagi dilantik se secara tetap.

Adalah ditegaskan bahawa pegawai-pegawai perempuan yang telah pun meletakkan jawatan, telah bersara atau pun dikehendaki bersara dengan kerana Perkahwinan selepas dimasukkan ke perjawatan tetap dan berpenchen tiadalah layak membuat pilehan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

¹. Perkataan ini adalah pembetulan kepada perkataan asal yang dibuat oleh penyunting. Perkataan asal ialah "pemilihan".

3. Sekiranya pegawai-pegawai perempuan sementara seperti yang dinyatakan di perenggan 2(i) dan (ii) di atas telah pun lulus semua peperekson yang diwajibkan dan juga telah menempoh tempoh perchubaan selama satu hingga tiga tahun mulai daripada tarikh perlantekan dengan memuaskan, mereka-mereka ini boleh-lah dimasukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpenchen mulai daripada tarikh perlantekan mereka.

4. Bagi golongan pegawai-pegawai yang berkelayakan membuat pemilihan seperti yang dinyatakan di perenggan di atas, sharat-sharat bagi kemasukan ke perjawatan tetap dan berpenchen adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini : - Sharat2 yang diperlukan

- (a) Bagi mereka-mereka yang telah pun berkahwin semasa dilantik dan belum lagi lulus peperekson-peperekson yang diwajibkan sebagaimana yang ditetapkan di dalam sekim perkhidmatan, sharat-sharatnya ada-lah :-
 - (i) Menjalani tempoh perchubaan selama satu hingga tiga tahun mulai daripada 1hb. januari, 1969 dengan sharat bagi pegawai yang dilantik pada pertama kalinya ke dalam perkhidmatan Kerajaan tempoh perkhidmatan sejak lantekan hendaklah tidak kurang daripada tiga tahun sebelum di sahkan
 - (ii) bahawa dalam tempoh perchubaan itu, pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah lulus semua peperekson yang ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatan.

Pegawai-pegawai yang dimaksudkan di dalam golongan ini adalah berkelayakan bagi di sahkan dalam jawatan dan dimasukkan ke dalam perjawatan tetap dan

berpenchen. Tempoh perkhidmatan bagi perkiraan faedah-faedah bolehlah bermula daripada tarikh lantekan mereka sebagai pegawai-pegawai sementara.

- (b) Bagi mereka yang telah pun berkahwin dalam tempoh perchubaan dan belum lagi lulus pepereksaan yang diwajibkan sebagaimana yang ditetapkan di dalam sekim perkhidmatan, sharat-sharatnya ada lah:-
- (i) menjalani tempoh perchubaan selama satu hingga tiga tahun mulai daripada 1hb. Januari, 1969 dengan sharat bagi pegawai yang dilantik pada pertama kalinya ke dalam Perkhidmatan Kerajaan tempoh perkhidmatan sejak lantekan hendaklah tidak kurang daripada tiga tahun sebelum disahkan.
 - (ii) bahawa dalam tempoh perchubaan itu, pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah lulus semua pepereksaan yang ditetapkan di dalam sekim perkhidmatan.

Pegawai-pegawai yang dimaksudkan di dalam golongan ini adalah berkelayakan bagi disahkan dalam jawatan dan di masukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpenchen. Tempoh perkhidmatan mereka bagi perkiraan faedah-faedah penchen hendaklah bermula juga daripada tarikh lantekan mereka sebagai pegawai-pegawai sementara, dan terputusnya perkhidmatan mereka selama sehari sebagaimana yang telah dikenakan itu hendaklah di anggap sebagai chuti tiada bergaji.

Apabila pegawai-pegawai dalam golongan 4(a) dan (b) ini di masukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpenchen kelayakan mereka bagi menerima bonus berhenti kerja atau pun ganjaran perkahwinan, iaitu kemudahan-kemudahan yang biasanya di beri kepada mereka apabila mereka meletakkan jawatan atau pun bersara di atas kemahuan sendiri dengan kerana perkahwinan adalah di lunchorkan.

5. Oleh kerana **Perentah 'Am Bab 'A' 32** seperti yang telah di pinda itu adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh kebelakangan iaitu pada tarikh 1hb. Januari, 1969, soalnya sekarang ialah bagi menetapkan kekananan golongan pegawai-pegawai perempuan yang telah di masukkan ke perjawatan tetap dan berpenchen mengikut syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan di atas. Di bawah ini adalah di perturunkan perinsip-perinsip kekananan yang mesti di ikuti bagi golongan yang berkenaan:-

- (i) bagi pegawai2 perempuan di perenggan (3) di atas, tarikh kekananan mereka hendaklah di tentukan bermula daripada tarikh-tarikh mereka itu dilantik sebagai pegawai-pegawai sementara;
- (ii) Bagi pegawai2 perempuan di perenggan 4(a) dan (b) di atas, tarikh kekananan adalah di tetapkan pada 1hb. Januari 1969 sekiranya mereka itu lulus semua pepereksaan-pepereksaan yang diwajibkan dalam tempoh perchubaan selama satu hingga tiga tahun mulai daripada 1hb. Januari 1969 itu. Sekiranya pegawai-pegawai ini tidak dapat di perakukan bagi di sahkan dalam jawatan dalam tempoh perchubaan yang di tetapkan, pegawai-pegawai itu akan kehilangan kekananan mereka selama tempoh perchubaan mereka di lanjutkan.

6. Dengan berkuatkuasanya pindaan kepada **Perentah 'Am Bab 'A' 32** ini perhatian adalah di tarik kepada amalan lama dalam mana di dapat bahawa ramai pegawai-pegawai perempuan yang telah pun di sarakan dengan kerana berkahwin tetapi diambil bekerja semula diatas dasar sementara. Mulai daripada 1hb. Januari, 1969 adalah di

Kekananan

tegskan bahawa pegawai-pegawai perempuan chuma akan diminta bersara apabila di dapati, dengan pastinya bahawa dengan kerana berkahwin kechekapan mereka itu adalah terganggu. Oleh hal yang demikian kerajaan tiada akan membenarkan sebarang lantekan semula pegawai-pegawai perempuan yang telah di sarakan selepas tarikh 1hb. Januari 1969, di atas sebab-sebab yang berkenaan, melainkan dalam keadaan yang istimewa yang akan di timbangkan dari semasa ke semasa.

Saya yang menurut perentah,

(HASHIM BIN AMAN)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Pentadbir Hal Ehwal Awam.

Ketua Setia Usaha Negara.

Setia Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

s.k. Y.B. Setia Usaha Tetap kepada Ketua Menteri Sabah.

Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Sarawak.

Y.B. Setia Usaha-Usaha Kerajaan/negeri, Malaysia barat.

Setia Usaha Persekutuan, Sabah.

Setia Usaha Persekutuan, Sarawak.

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan.

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negeri.